



INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

INSIGHT ILKAP E-NEWSLETTER

EDISI | **2022**
BIL. 2/22



*S*ESI TEMU BUAL



"JAUH PERJALANAN, LUAS PEMANDANGAN"

SESI TEMU BUAL BERSAMA DENGAN PEGUAM CARA NEGARA YBHG. DATUK AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH

Assalamualaikum dan salam sejahtera YBhg. Datuk. Ribuan terima kasih diucapkan atas kesudian ditemu bual oleh pihak Sidang Redaksi ILKAP E-Newsletter (*Insight*) ('Insight') Bil. 2/2022.

Untuk makluman YBhg. Datuk, *Insight* merupakan salah satu penerbitan ILKAP yang diterbitkan secara dwitahunan dalam laman sesawang ILKAP. *Insight* diterbitkan sebagai platform kepada warga ILKAP untuk mengetengahkan karya penulisan artikel selain melaporkan aktiviti yang dilaksanakan di ILKAP dalam sesuatu tahun. *Insight* boleh diakses secara percuma oleh semua pihak termasuk masyarakat awam.

Selain artikel, *Insight* juga mengetengahkan temu bual bersama dengan pegawai pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, Sidang Redaksi *Insight* Bil. 2/2022 amat berbesar hati dapat menemu bual YBhg. Datuk bagi siri kali ini untuk berkongsi dengan para pembaca *Insight* sedikit sebanyak tentang YBhg. Datuk. Dengan ini, izinkan saya memulakan sesi temu bual ini.

Pertama sekali, sudi YBhg. Datuk berkongsi dengan para pembaca Insight mengenai **latar belakang keluarga dan sejarah pendidikan YBhg. Datuk?**

Saya dilahirkan pada 12 April 1968 dan dibesarkan dalam keluarga sederhana di Sungai Petani, Kedah. Ibu yang berasal dari Kedah dan ayah saya berasal dari Melaka. Saya merupakan anak sulung dan mempunyai seorang adik lelaki dan adik perempuan.

Sejarah pendidikan saya bermula di Sekolah Kebangsaan Ibrahim, Sungai Petani, Kedah. Kemudian, saya bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan ('SMK') Kem Terendak, Melaka kerana mengikuti ayah yang bertugas sebagai askar pada ketika itu. Saya menyambung semula persekolahan di Sungai Petani, Kedah dari tingkatan tiga hingga lima di SMK Khir Johari, Sungai Petani, Kedah. Selanjutnya saya telah menamatkan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di sekolah swasta selama 2 tahun. Selepas itu, saya telah melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dari tahun 1989 hingga 1992 dengan bantuan Bank Negara Malaysia.

Boleh ceritakan sedikit sebanyak tentang **ahli keluarga YBhg. Datuk kini?**

Saya berkenalan dengan isteri saya ketika melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya. Seterusnya, kami telah mendirikan rumah tangga pada 2 November 1996. Alhamdulillah, perkahwinan kami dikurniakan dengan empat cahaya mata, dua lelaki dan dua perempuan. Anak yang sulung berumur 26 tahun, yang kedua berumur 18 tahun, yang ketiga berumur 16 tahun dan yang keempat berumur 14 tahun.

YBhg. Datuk mempunyai **perjalanan kerjaya** yang dinamik di pelbagai lokasi di seluruh negara sepanjang tempoh kira-kira 27 tahun dalam perkhidmatan, malahan YBhg. Datuk pernah berkhidmat di kedua-dua bidang kehakiman dan perundangan. Pengalaman yang sedemikian tentunya amat berharga dan membantu melicinkan perjalanan kerjaya YBhg. Datuk.

Tentu sekali dan saya amat bersyukur kerana diberikan peluang dan kepercayaan oleh Badan Kehakiman dan Jabatan Peguam Negara untuk menjawat jawatan-jawatan tersebut. Pengalaman bekerja dan berkhidmat untuk negara telah membentuk kerjaya dan kehidupan saya sehingga kini.

SEJARAH KERJAYA

YBhg. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh



TAHUN	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS
1992 – 1995	Pegawai Undang-Undang	Bank Negara Malaysia
1995 – 1996	Penolong Kanan Pendaftar	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
1995 – 1996	Majistret	Mahkamah Majistret Taiping, Perak
1996 – 1998	Majistret	Mahkamah Majistret Sibu, Sarawak
1998 – 2000	Penolong Kanan Pendaftar	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
2000 – 2001	Penolong Kanan Pendaftar	Bahagian Surat Kuasa Wakil, Mahkamah Persekutuan
2001	Penolong Kanan Pendaftar	Pesuruhjaya Sumpah, Mahkamah Persekutuan
2001	Pegawai Khas Ketua Hakim Negara	Mahkamah Persekutuan
2001	Timbalan Pendaftar	Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Persekutuan
2002 – 2003	Pegawai Khas Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan	Mahkamah Persekutuan

TAHUN	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS
2003 – 2007	Pegawai Khas Ketua Hakim Negara	Mahkamah Persekutuan
2007	Pegawai Khas Ketua Hakim Negara dan menjalankan tugas Ketua Pendaftar	Mahkamah Persekutuan
2007	Hakim Mahkamah Sesyen	Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur
2007 – 2013	Hakim Mahkamah Perusahaan	Mahkamah Perusahaan Pulau Pinang dan Kuala Lumpur
2013 – 2016	Ketua Unit Pendakwaan	Pejabat Pendakwaan, Negeri Sembilan
2016 – 2018	Ketua Unit	Unit Kontrak Kerajaan & Kecuaian Perubatan, Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara
2018 – 2019	Timbalan Ketua Bahagian Guaman III	Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara
2019	Penasihat Undang-Undang Negeri	Pejabat Penasihat Undang-Undang, Negeri Kedah
2019 – 2022	Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia	Mahkamah Persekutuan
24 Mac 2022 – sekarang	Peguam Cara Negara	Pejabat Peguam Cara Negara, Jabatan Peguam Negara

Dengan perjalanan kerjaya yang berwarna warni itu, apakah antara **memori yang paling diingati** oleh YBhg. Datuk sepanjang berkhidmat di mahkamah dan di Jabatan Peguam Negara?

Di mahkamah, pengalaman yang paling diingati adalah ketika saya berkhidmat di Sibu, Sarawak apabila saya dikehendaki mengendalikan enam mahkamah litar dan salah satunya memerlukan perjalanan sehingga empat belas jam dengan menaiki bot untuk tiba di Mahkamah Litar Belaga, Sarawak. Di mahkamah juga saya belajar mentadbir organisasi dengan baik.

Di Jabatan Peguam Negara pula, saya boleh katakan memori yang paling diingati adalah ketika saya baru melaporkan diri selama dua hari sebagai Ketua Unit Pendakwaan di Negeri Sembilan dan saya terus mengendalikan kes di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Benarlah kata pepatah “you learn on the job” dan “when the going gets tough, the tough get going” kerana pada ketika itu, hanya amanah kerja yang saya fikirkan dan saya teruskan pengendalian kes berkenaan walaupun baru dua hari berkecimpung dalam bidang pendakwaan.



YBhg. Datuk kini berada dalam tampuk pengurusan tertinggi Jabatan PEGUAM NEGARA dan telah melalui pelbagai cabaran dalam berkerjaya. Apakah **moto atau prinsip kerjaya dan kehidupan** yang dipegang oleh YBhg. Datuk?

Moto saya ialah “Nothing is better than going on the ground itself”. Anda perlu lihat sendiri keadaan sebenar untuk memahaminya. Saya masih menggalas prinsip yang diajar oleh salah seorang mantan Hakim MAHKAMAH PERSEKUTUAN bahawa pentingnya setiap aduan diberikan perhatian tanpa mengira jawatan pengadu berkenaan.

Saya juga berpandangan amat penting untuk kita pantas melaksanakan kerja yang diberikan selain sentiasa menjaga amanah dan integriti dalam melaksanakan tugasan.

Kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan jika kerena birokrasi dikurangkan dan penting untuk galakan dan ruang diberikan kepada pegawai bagi mengetengahkan idea mereka. Selain itu perkara yang penting dalam zaman globalisasi ini adalah keperluan untuk kita berkembang seiring dengan teknologi semasa sama ada dalam kerjaya maupun kehidupan di luar kerjaya.

Seterusnya, ramai yang sedia maklum bahawa motivasi dalam melaksanakan tugasan ialah perkara yang penting dalam memberikan kepuasan bekerja selain mewujudkan keseimbangan dari segi kesihatan mental dan emosi mana-mana pekerja. Apakah perkara yang memberikan YBhg. Datuk **motivasi dan kepuasan dalam melaksanakan tugasan dan tanggungjawab** dalam perkhidmatan? Mungkin ia boleh memberikan inspirasi kepada pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Bagi saya, motivasi dan kepuasan dalam melaksanakan tugasan dan tanggungjawab timbul apabila saya melihat usaha dan tugas yang saya laksanakan membawa kebaikan atau memberikan kemudahan kepada orang lain. Seronok sebenarnya jika tugas yang kita lakukan dihargai dan ini juga memberikan kita motivasi untuk lebih gigih dalam melakukan tugasan. Contohnya, saya sangat berpuas hati apabila dapat melawat sebahagian besar mahkamah di Malaysia (90%) dan berjumpa dengan kebanyakan warga mahkamah yang berkhidmat di sana. Saya menghargai sokongan pengurusan tertinggi Badan Kehakiman pada ketika itu.

Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian YBhg. Datuk sepanjang perkhidmatan, apakah antara lima (5) ciri utama yang perlu ada dalam diri seseorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan?

Jujur, bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas, kreatif, berdaya tahan dan mempunyai *personal touch* yang memberikan kelebihan atau *value added* kepada seseorang pegawai itu. Contohnya, cabaran dan kekangan yang timbul ketika pandemik COVID-19, semua ciri yang saya sebutkan itu memainkan peranan yang penting dalam membolehkan perkhidmatan di mahkamah tetap berjalan walaupun perintah kawalan pergerakan ('PKP') berkuat kuasa.

Nasihat YBhg. Datuk kepada para pegawai yang bertugas di Jabatan Peguam Negara atau di mahkamah?

Oleh sebab kita berada dalam satu perkhidmatan, maka para pegawai perlu menerima dan menyahut cabaran untuk menjadi pegawai yang serba boleh; *all-rounder*. Jaga juga kesihatan diri dan keluarga; imbangi kehidupan supaya beroleh keluarga yang "sakinah, mawaddah warahmah". Selain itu, perkara ini mungkin diambil mudah tetapi sikap merendah diri adalah sangat penting. *Be confident but be humble* kerana roda kehidupan tidak sentiasa di atas.

Bagi pegawai yang masih muda dalam perkhidmatan, bersabar dan bersedia menghadapi cabaran. Tunjukkan potensi sebenar supaya anda boleh dilihat sebagai satu aset penting dalam perkhidmatan dan kerajaan. Sentiasa rajin menambah ilmu pengetahuan sama ada dalam bidang kehakiman, perundangan maupun pengetahuan dan perkembangan am semasa. Rebut peluang untuk menyambung pelajaran dan jangan mudah berpuas hati dengan taraf pendidikan yang sedia ada.

InsyaAllah, semoga nasihat berkenaan disambut baik oleh para pembaca. Seterusnya, YBhg. Datuk telah berkhidmat dalam sektor awam sejak tahun 1995. Dengan pengalaman yang luas, mungkin YBhg. Datuk boleh memberikan pandangan tentang **kekuatan utama** yang perlu disemai dan **kelemahan utama** yang perlu dikikis oleh para pegawai?

Kekuatan utama tentunya dari segi pengetahuan undang-undang dan teknologi yang wajar dipertingkatkan oleh setiap pegawai. Pegawai juga perlu menerapkan nilai kepimpinan dalam diri masing-masing kerana kita tidak boleh statik dan perlu bergerak seiring dengan perkembangan dunia. Kualiti kepimpinan yang baik melibatkan keupayaan seseorang untuk mewujudkan hubungan baik dengan pelbagai pihak dan keanjalan dalam pengurusan pentadbiran. *Knowledge without the human touch is not enough*, itu pandangan saya.



Kelemahan utama pula, saya percaya setiap pekerja walau dalam bidang apa jua pun perlu mengurangkan sikap cepat berputus asa dan *the habit of saying no*. Kurangkan perasaan takut dan sikap ‘menyimpan suara’ terutamanya dalam keadaan yang memerlukan seseorang pegawai memberikan idea atau input. Jangan terapkan pemikiran bahawa jika kita bercakap kita akan dihukum. Walau bagaimanapun, sebarang kata atau tindakan perlu diiringi dengan adab dan sopan; berhemah dalam berbicara.

Sekiranya boleh saya katakan, YBhg. Datuk merupakan antara pihak yang mendepani dan menyokong pembangunan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Boleh YBhg. Datuk kongsikan dengan para pembaca Insight tentang **pengalaman dan halangan utama ketika melaksanakan gerak kerja berlandaskan teknologi maklumat ('IT')** supaya perkhidmatan menjadi selaras dengan arus perkembangan semasa?

Jujur saya katakan, saya sebenarnya bukan *an IT person*. Anak saya sendiri terkejut apabila saya mula melibatkan diri dalam pembangunan pelbagai aplikasi IT. Tetapi, saya mengambil inspirasi daripada Steve Jobs yang sebenarnya tidak begitu hebat dalam IT, sebaliknya beliau lebih memfokuskan kepada

percambahan idea. Idea yang diketengahkan itu kemudian direalisasikan oleh orang yang berbeza, iaitu Steve Wozniak.

Walaupun saya memulakan langkah dalam sektor awam di mahkamah pada tahun 1995, perkara yang benar-benar membuka mata saya untuk melihat kepentingan IT adalah ketika saya mula berkhidmat di Jabatan Peguam Negara pada tahun 2013 kerana pelbagai jenis aplikasi IT digunakan seperti ILMS dan komunikasi utama yang digunakan adalah menerusi e-mel.

Maka, apabila saya diberikan amanah sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, saya memang sangat menitikberatkan pembangunan IT di mahkamah. Ketika PKP berkuat kuasa, pengurusan tertinggi kehakiman mengarahkan saya untuk melihat alternatif bagi memastikan *access to justice* tidak terhenti.

Tindakan pertama pasukan kami pada ketika itu adalah meminda undang-undang yang membolehkan pendengaran kes secara dalam talian diterima di bawah perundangan Malaysia.

Di awal pembangunan aplikasi dalam talian mahkamah, halangan utama yang dihadapi oleh pasukan kami pada ketika itu adalah kesukaran untuk meyakinkan semua pengguna termasuklah pemegang taruh supaya menggunakan e-Kehakiman tersebut dan mencari cara terbaik untuk memudahkan penggunaannya.

Dari titik itu, pemakaian e-Kehakiman dikembangkan lagi sehingga semua pemegang taruh sangat selesa menggunakan IT sebagai kaedah pengendalian dan penyelesaian kes mereka malahan sehingga kini kaedah secara dalam talian ini lebih digemari oleh kebanyakan pemegang taruh walaupun PKP tidak lagi dikuatkuasakan.

Apakah sasaran terdekat YBhg. Datuk dalam kerjaya?

Dengan amanah yang telah diletakkan kepada saya sebagai Peguam Cara Negara, saya akan membantu YBhg. Tan Sri Peguam Negara dalam segala urusan yang berkaitan dengan Jabatan Peguam Negara.



Jika tidak keberatan, sedikit soalan di luar bidang tugas. Mungkin, boleh YBhg. Datuk berkongsi dengan para pembaca minat dan aktiviti yang gemar dilakukan?

Saya berminat dengan fesyen tetapi lebih selesa berbaju t-shirt dan berseluar denim. Bagi saya, kita perlu mempunyai cara yang baik untuk menghilangkan stress dan untuk saya, caranya adalah dengan memandu, bersiar-siar, makan angin dan mencari tempat-tempat makan yang menarik. Alhamdulillah, isteri saya juga berminat untuk mencuba tempat makan baru jadi seronok terutamanya kalau makanan yang dicuba memang kena dengan selera.



Jika saya tidak berkecimpung dalam Skim Kehakiman dan Perundangan, saya mungkin memilih karier sebagai chef. Saya memang suka pergi sendiri membeli groceries every weekend di Chow Kit kerana saya dididik sedemikian oleh ibu ketika membesar dahulu.

Lanjutan daripada jawapan YBhg. Datuk itu, apakah specialty dish serta makanan dan minuman kegemaran YBhg. Datuk?

Saya boleh katakan specialty dish saya ialah ayam masak kicap. Makanan kegemaran saya ialah nasi lemak bungkus sambal telur ikan bilis, cucur udang dan minuman kegemaran saya ialah teh o ais.

Akhir kata, boleh YBhg. Datuk memberikan sedikit idea kepada warga ILKAP untuk meningkatkan mutu penyediaan latihan kepada pelanggan ILKAP?

Tingkatkan penggunaan dan kemudahan IT serta perbanyakkan kerjasama dengan pusat atau insitut latihan dalam sektor swasta dan di serata dunia. Mungkin ILKAP boleh mewujudkan fellowship dan menempatkan ekspatriat di ILKAP bagi membangunkan program yang bertaraf global. *Be a renowned and a world class institute.* Saya berharap ILKAP dapat menjadi pusat latihan kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Asia Tenggara.

Bagi pihak sidang redaksi Insight ILKAP Bil. 2/2022 dan bagi pihak ILKAP secara keseluruhannya, saya mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian YBhg. Datuk menerima jemputan kami untuk ditemu bual. Semoga hubungan baik antara YBhg. Datuk dan ILKAP berkekalan, insyaAllah. Assalamualaikum wbt.



Ditemu bual oleh: Ainnan binti Mohd Rasid



ARTIKEL

DISCLAIMER: The information contained in this document is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this document for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing in this document constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance any person place on such information is therefore strictly at the person's own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this document.

PERUNDANGAN DAN PENTADBIRAN TANAH ADAT MELAKA



Oleh

YUSLIZA BINTI AWAL

Program Litigasi, Bahagian Latihan, ILKAP

PENGENALAN

Artikel ini akan menerangkan tentang pemakaian undang-undang dan pentadbiran yang mengawal urusan serta perkembangan tanah adat Melaka di negeri Melaka.

Kewujudan Tanah Adat Melaka

Sebelum bermula kolonialisme Portugis, Belanda dan Inggeris, konsep pemegangan tanah yang diamalkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah mengikut undang-undang Adat Temenggung dan Adat Pepatih yang diamalkan di beberapa daerah di Melaka. Dengan kedatangan pengaruh Islam pada abad ke-15, pelaksanaan perundangan tanah adat di Melaka telah disesuaikan dengan hukum Islam. Ini terserlah melalui kenyataan Maxwell HB dalam kes *SHARIP V. MITCHELL*¹ yang dipetik seperti yang berikut:

“Sudah diketahui umum iaitu mengikut undang-undang Melayu lama atau undang-undang adat Melaka bahawa raja memiliki semua tanah di dalam negeri; setiap orang berhak mengerjakan dan menduduki tanah hutan dan tanah mati tertakluk kepada syarat menyerahkan satu persepuhlus daripada hasil tanah itu kepada raja.”.

¹ (1980) Leic. 466

Ciri-ciri lain undang-undang adat termasuklah kuasa raja untuk mengambil kembali tanah yang tidak diusahakan, konsep harta sepencarian dan jual janji yang juga menepati ajaran Islam.

Perundangan Tanah Adat Melaka

Perundangan rasmi bagi urusan pemilikan tanah di Melaka terpakai pertama kalinya pada kurun ke-18, iaitu ketika era penjajahan British yang memperkenalkan dan menguatkuasakan *Regulation IX of the Straits Land Act 1839* (“Peraturan 1839”) yang mengkhususkan semua geran tanah dalam Melaka yang bakal dikeluarkan hendaklah mengikut surat ikatan Inggeris tetapi Peraturan 1839 ini tidak melibatkan urusan pegangan tanah adat Melayu Melaka.

Oleh itu, Kerajaan Inggeris telah menguatkuasakan undang-undang *Malacca Lands Customary Rights Ordinance (Strait Settlement Cap 125)* (“Ordinan 125”) pada tahun 1886 untuk menyelenggara pendaftaran pemilikan tanah adat Melaka dalam *Daftar Mukim (Mukim Register)*.

Ordinan 125 kemudiannya dimansuhkan dengan penguatkuasaan Akta Kanun Tanah Negara (*Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka*) 1963 [Akta 518]. Ordinan 125 digantikan dengan peruntukan dalam keseluruhan Bahagian VIII Akta 518. Walau bagaimanapun, kesemua Daftar Mukim bagi tanah adat Melaka hendaklah secara berterusan mengguna pakai Ordinan 125 dan hendaklah dikenali sebagai Daftar Tanah Adat Melaka². Daftar Tanah Adat Melaka ini dikekalkan dan ditadbir secara berasingan serta berbeza daripada mana-mana daftar yang berkaitan dengan tanah lain di negeri Melaka³. Ini menunjukkan bahawa Bahagian VIII Akta 518 yang digubal secara khusus untuk pemakaian tanah adat Melaka memperuntukkan pengiktirafan dan jaminan pemegangan tanah adat oleh orang Melayu.

Pengertian Tanah Adat Melaka

Merujuk subseksyen 94 (1) Akta 518, tanah adat ialah tanah adat yang dalam pengertian Ordinan 125 sebelum tarikh kuat kuasa 1 Januari 1966 dan termasuklah tanah yang telah diendorskan sebagai tanah adat di bawah subsekyen 109A(2) Akta 518 dan tanah yang diberi milik semula atau dilupuskan kepada Melayu atau badan statutori yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh Akta 518⁴.

² Seksyen 102 Akta 518

³ Subsekyen 102 (5) Akta 518

⁴ Subseksyen 109B(3) Akta 518



Ordinan 125 mentakrifkan pemegang tanah adat sebagai mana-mana orang Melayu yang bermaustatin di negeri Melaka dan mana-mana orang yang memegang sijil daripada gabenor yang menunjukkan dia layak memegang tanah adat.

“Certificated Land & Certificated Person”

Orang selain orang Melayu yang berhak terhadap tanah adat dikeluarkan sijil oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai *certificated person* dan tanah miliknya diendorskan sebagai *certificated land*. Ini selari dengan proviso seksyen 3 Ordinan 125 yang memperuntukkan bahawa pindah milik tanah adat kepada orang bukan Melayu boleh dibenarkan tertakluk kepada kebenaran Governor-in-Council dan jual beli tanah adat adalah sah jika sijil daripada Governor-in-Council diperoleh.

Sijil tersebut akan menyatakan secara spesifik nama pemilik dan tanah yang dipegangnya⁵. *Certificated person* tidak boleh memiliki tanah adat yang lain semata-mata atas statusnya tersebut. Dalam erti kata lain, *certificated person* berhak ke atas *certificated land* sahaja dan mempunyai pemilikan yang kekal. Tanah tersebut juga boleh diturun milik mengikut undang-undang pewarisan yang terpakai ke atas *certificated person* tersebut. Dalam keadaan sesuatu *certificated land* berpindah milik kepada orang Melayu, tanah tersebut terhenti menjadi *certificated land*⁶.

Ciri-Ciri Tanah Adat Melaka

Tanah adat Melaka merupakan hakmilik jenis Geran Mukim yang didaftarkan di bawah hakmilik pejabat tanah dan berstatus pegangan kekal selama-lamanya. Hakmilik Geran Mukim tanah adat Melaka dikenali dengan kod seperti GMM 1286 – Geran Mukim MCL, manakala hakmilik sementara Geran Mukim tanah adat Melaka dikenali dengan kod seperti HSM 1286 – Hakmilik Sementara MCL.

Sebagaimana yang diperuntukan di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966, kadar bayaran cukai tanah⁷ bagi milikan tanah adat Melaka dan premium⁸ bagi kelulusan pembangunan tanah adat Melaka adalah separuh daripada kadar semasa yang dikenakan terhadap tanah biasa yang lain.

⁵ Seksyen 104 Akta 518

⁶ Seksyen 100 Akta 518

⁷ Kaedah 12(2) Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966 memperuntukkan bahawa—

“The rent chargeable shall be based on the above-mentioned rate or twelve ringgit per title, whichever is higher, except that the rent chargeable for lands under Malacca Customary Land titles shall be one half of the aforesaid rate.”


⁸ Kaedah 8(2) Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966 memperuntukkan bahawa—

“premiums for land subject to restrictions in interest prohibiting transfer, lease or transmission to any person other than Malay shall be half those specified in paragraph (1).”

Perlindungan Kepentingan Tanah Adat Melaka

Perlindungan kepentingan tanah adat Melaka supaya kekal dimiliki oleh orang Melayu dapat dilihat dalam peruntukan seksyen 108 Akta 518 yang menetapkan batasan urusan dan transaksi yang boleh dilakukan terhadap tanah adat Melaka (MCL) dan *certificated land*. Contohnya, pindah milik, pajakan, turun milik atau cagaran tanah adat hanya boleh dibuat kepada orang Melayu sahaja. Walau bagaimanapun, tanah adat boleh dipajak kepada selain orang Melayu antara 3 hingga 30 tahun tetapi tidak boleh pindah milik atau pajak kecil pajakan itu kepada selain orang Melayu.

Merujuk kepada seksyen 94 Akta 518 dan selaras dengan Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan (“PP”), “Melayu” ditakrifkan sebagai seseorang yang—



Selain orang sebenar, seksyen 94 Akta 518 juga mentakrifkan syarikat yang diperbadankan menurut undang-undang yang terpakai berhubung syarikat (iaitu di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan memenuhi tiga syarat, iaitu semua ahli syarikat adalah Melayu, artikel pertubuhan syarikat melarang pemindahan syer kepada bukan Melayu dan salah satu objek penubuhan syarikat adalah menguruskan tanah adat.

Selain orang Melayu dan Syarikat Tanah Adat Melaka, tanah adat Melaka boleh juga dicagarkan kepada badan statutori yang dinyatakan dalam Jadual Keenam atau dipindah milik kepada badan statutori yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh Akta 518.



Seterusnya, urusan lien dengan mendepositkan dokumen hak milik keluaran tanah adat sebagai sandaran untuk pinjaman tidak boleh dibuat kepada selain orang Melayu dan kaveat menyokong lien tersebut tidak boleh didaftar menurut Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 828]. Pembuatan amanah untuk dipegang oleh atau untuk kepentingan orang bukan Melayu dan pemberian Geran Probet atau Surat Tadbir Kuasa untuk mana-mana Pentadbir atau Wasi yang bukan Melayu ke atas tanah adat Melaka juga tidak dibenarkan⁹. Dalam konteks ini, Amanah Raya dan Pegawai Pemegang Harta adalah dianggap sebagai “Melayu”.



Bagi urusan bukan urus niaga kaveat, kecuali yang dimasukkan oleh Pendaftar, semua kaveat terhadap tanah adat tidak boleh didaftarkan di bawah Akta 828 jika pengkaveatnya adalah seorang selain orang Melayu atau jika dia bertindak sebagai ejen, prinsipalnya adalah seorang selain orang Melayu. Surat wakil kuasa atau apa jua bentuk perwakilan tidak boleh diberi atau dibuat untuk selain orang Melayu dan penyaksian urusan transaksi urus niaga tanah adat Melaka hendaklah dilaksanakan di hadapan Pentadbir Tanah seperti yang ditetapkan menurut Jadual 5 Akta 828.

Sebarang transaksi urus niaga dan bukan urus niaga terhadap tanah adat Melaka yang bertentangan dengan sekatan yang telah ditetapkan dianggap tidak sah dan terbatal¹⁰. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, Bahagian VIII Akta 518 mengatasi peruntukan Akta 828. Ini dijamin dalam Perkara 90 PP (peruntukan khas berkenaan dengan tanah adat di Melaka) yang memperuntukkan bahawa tiada apa-apa jua dalam peruntukan PP boleh menyentuh keesahan apa-apa sekatan yang dikenakan oleh undang-undang ke atas pemindahan hak milik atau pemajakan tanah adat di Melaka.

⁹ Perenggan 108(1)(d) dan (e) Akta 518

¹⁰ Subseksyen 108 (4) Akta 518

Jadual Contoh Transaksi berkenaan dengan Tanah Adat

Transaksi	Melayu	Selain Melayu
Pindah milik	✓	X
Pajakan	✓	✓ (antara 3 – 30 tahun)
Turun milik	✓	X
Cagaran tanah adat	✓	X
Pajak kecil sesuatu pajakan	✓	X
Urusan lien dengan mendepositkan dokumen hak milik keluaran tanah adat sebagai sandaran untuk pinjaman	✓	X
Pembuatan amanah untuk dipegang oleh atau untuk kepentingan...	✓	X
Pemberian Geran Probet atau Surat Tadbir Kuasa untuk mana-mana Pentadbir atau Wasi...	✓	X

Pentadbiran Tanah Adat Melaka

Pihak Berkuasa Negeri (“PBN”) tidak berkuasa mewujudkan tanah adat Melaka daripada tanah kerajaan yang biasa sama ada secara merizabkan atau mewartakan sesuatu kawasan atau melalui pemberimilikan. Sebaliknya, PBN hendaklah melupuskan tanah kerajaan sebagai tanah adat Melaka jika tanah tersebut dahulunya adalah tanah adat Melaka yang telah diserah, dilucutkan hak kerana melanggar syarat¹¹ atau gagal membayar cukai atau telah diambil menurut Akta Pengambilan 1960 [Akta 486].

Subseksyen 109B(2) Akta 518 misalnya jelas menyatakan bahawa PBN tidak boleh memberikan milik semula atau melupuskan tanah adat yang telah dilucutkan hak kepada orang bukan Melayu atau selain badan yang dikhususkan di bawah Jadual Ketujuh Akta 518.

¹¹ Berdasarkan seksyen 109 Akta 518, tanah adat tertakluk kepada kemasukan semula (re-entry) oleh PBN dalam keadaan berlaku pelanggaran atau kegagalan pematuhan apa-apa syarat nyata atau tersirat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian VIII Akta 518. PBN boleh melaksanakan kuasa kemasukan semula menurut dan tertakluk kepada peruntukan dalam KTN seolah-olah jika berlaku pelanggaran atau ketidakpatuhan syarat nyata atau tersirat di bawah KTN.



Oleh itu, status tanah adat Melaka adalah kekal walaupun selepas pengambilan melainkan PBN melaksanakan polisi yang jelas dengan mengisyiharkan pembatalan secara nyata bagi status tanah adat Melaka tersebut dan dikeluarkan daripada Daftar Tanah Adat Melaka. Ini selaras dengan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes ROBERT LEE @ ROBERT SEET & ANOR V WONG AH YAP & ANOR¹² yang memutuskan bahawa—

“The fact that the land has been acquired by the State and will be used for residential purposes makes no difference. The land remains a customary land until the State authority decides to declare it, or part of it, otherwise. That again is a matter of policy.”.

Bagi menambahkan bilangan tanah adat Melaka di Melaka, Bahagian VIII Akta 518 dipinda pada 6 September 1984 dengan memasukkan seksyen 109A yang membuka ruang kepada mana-mana pemilik tanah Melayu yang memiliki tanah pajakan berkategori rumah kediaman di Melaka supaya memohon tanah mereka diendorskan sebagai tanah adat Melaka. Permohonan ini boleh dibuat di Pejabat Tanah Daerah di mana tanah itu terletak dan kelulusan adalah di pihak PBN.

KESIMPULAN

Pegangan dan kepentingan orang Melayu khususnya ke atas tanah adat di Melaka secara nyata adalah dilindungi di bawah peruntukan Bahagian VIII Akta 518 dan dijamin menurut Perkara 90 PP.

RUJUKAN LAIN

1. *Malacca Lands Customary Rights Ordinance (Strait Settlement Cap 125)*
2. *Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 [Akta 518]*
3. *Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 858]*
4. *Conversion From English Deeds System to Torrens System of Title Registration in Penang And Malacca: Process And Problems [2007] 2 MLJ Iii, Author: Ainul Jaria Maidin IIUM, Malaysia*

¹² [2007] 4 MLJ 393

AKTIVITI ILKAP

BANGUNAN PERDAMAIAN
TUTU LATIHAN KEHARIMAN DAN PERDAMAIAN
(ILKAP)



AKTIVITI ILKAP JUN & JULAI 2022

PESTA BUKU ANTARABANGSA 2022

8 Jun 2022



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKAUN AMANAH INSTITUT LATIHAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP) BILANGAN 1 TAHUN 2022
DI JPM**

20 Jun 2022



PROGRAM WASPADA PEMBUNUH SENYAP

5 Julai 2022



MESYUARAT PANEL PENGURUSAN PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA 2022

&

SESI PERJUMPAAN YBHG. DATUK PEGUAM CARA NEGARA DENGAN
PEGAWAI UNDANG-UNDANG ILKAP

8 Julai 2022



TAKLIMAT PROGRAM TRANSFORMASI MINDA 2022

26 Julai 2022



KURSUS JURUAUDIT DALAMAN

28 – 29 Julai 2022







ARTIKEL

DISCLAIMER: The information contained in this document is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this document for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing in this document constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance any person place on such information is therefore strictly at the person's own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this document.

KUASA PEGUAM NEGARA DI BAWAH FASAL (2) PERKARA 145 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN



Oleh
SITI NOOR MAZRAH BINTI AHMAD DIN
Program Kehakiman, Bahagian Latihan, ILKAP

PENGENALAN

Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan (“PP”) memperuntukkan bahawa—


“Peguam Negara

145. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang yang layak menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.”.

Orang yang dilantik mestilah seorang warganegara Malaysia dan bagi tempoh 20 tahun sebelum pelantikannya, telah menjadi peguam atau anggota Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, atau pada suatu masa menjadi peguam dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan persekutuan atau negeri.

Fasal (5) Perkara 145 PP pula memperuntukkan bahawa Peguam Negara—

“(5) Tertakluk kepada Fasal (6), Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan, melainkan jika dia ialah anggota Jemaah Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.”.



Tugas utama Peguam Negara adalah untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, kerajaan yang memerintah atau kabinet atau mana-mana menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujukkan atau ditugaskan kepadanya dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya di bawah PP atau mana-mana undang-undang yang lain.



Fasal (2) Perkara 145 PP menyatakan seperti yang berikut:

“Menjadi kewajipan Peguam Negara menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujukkan atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.”.

KUASA BUDI BICARA PEGUAM NEGARA: FASAL (3) PERKARA 145 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Selanjutnya, Fasal (3) Perkara 145 PP memperuntukkan tentang kuasa budi bicara Peguam Negara seperti yang berikut:

“(3) Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.”.

Melalui pembacaan undang-undang yang ketat terhadap Fasal (3) Perkara 145 PP, wujud suatu pemahaman bahawa PP telah memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan dan memberhentikan prosiding kesalahan jenayah selain prosiding di hadapan mahkamah syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera. Kuasa budi bicara yang mutlak ini tidak boleh dicabar atau digantikan oleh mana-mana kuasa termasuk mahkamah.

Pada tahun 1991, dalam kes KARPAL SINGH & YANG LAIN V. PENDAKWA RAYA¹, Mahkamah Agung telah dirujuk dengan persoalan undang-undang bagi memutuskan sama ada mahkamah mempunyai kuasa am yang sedia ada bagi mengawal prosesnya supaya tidak disalahgunakan dan untuk melindungi orang yang dituduh daripada penganiayaan atau mudarat dengan membatalkan prosiding yang sia-sia. Dalam kes ini, tertuduh telah dituduh di bawah Akta Polis 1967 [Akta 344] kerana mengambil bahagian dalam perjumpaan di tempat awam tanpa mendapat kebenaran. Ketika menjawab persoalan undang-undang itu secara negatif, mahkamah menekankan bahawa kuasa Peguam Negara di bawah Fasal (3) Perkara 145 PP adalah muktamad dan tidak boleh disoal atau digantikan oleh kuasa budi bicara mahkamah dan terpulanglah kepada Peguam Negara dengan memandang kepada keadaan khusus kes ini, untuk menimbangkan penggunaan budi bicaranya termasuk kemungkinan memasukkan ‘nolle prosequi’ oleh kerana kelengahan dan keadaan-keadaan lain dalam keadaan kes itu.

¹ [1991] 2 MLJ 544

Ini bermakna, mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan tindakan Peguam Negara dalam pengendalian sesuatu pendakwaan tidak mempunyai asas untuk mencabarnya di mana-mana korum memandangkan **kuasa budi bicara berkenaan adalah mutlak**.



KUASA MEMULAKAN/MEMBAWA KES PENDAKWAAN

Subseksyen 376(1) Bab XXXVII Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593] memperuntukkan kuasa Peguam Negara berkaitan dengan kes jenayah, iaitu kuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu wajar didakwa atau sama ada pendakwaan itu wajar diteruskan atau tidak. Subseksyen 376(1) Akta 593 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Peguam Negara adalah menjadi sebagai Pendakwa Raya dan hendaklah mempunyai kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun ini.”.

Seterusnya, Peguam Negara juga dibenarkan untuk menentukan mana-mana mahkamah bagi sesuatu prosiding jenayah dimulakan dan dipindahkan sepetimana diperuntukkan oleh Fasal (3^A) Perkara 145 Perlembagaan yang menyatakan:

“(3^A) Undang-undang persekutuan boleh memberi Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah yang di dalamnya atau tempat apa-apa prosiding yang dia mempunyai kuasa untuk memulakannya di bawah Fasal (3) itu hendaklah dimulakan atau mahkamah yang kepadanya prosiding itu hendaklah dipindahkan.”.

Dalam kes JOHNSON TAN HAN SENG V PENDAKWA RAYA². Mahkamah telah menghuraikan kuasa budi bicara yang diberikan kepada Peguam Negara dalam memulakan sesuatu prosiding jenayah. Dalam kes tersebut, bagi kesalahan pemilikan senjata api secara haram, Peguam Negara mempunyai kuasa untuk memulakan pendakwaan terhadap beberapa orang tertuduh di bawah akta yang berbeza walaupun setiap pilihan akan membawa implikasi yang berbeza kepada setiap tertuduh yang disabitkan.

² (1977) 2 MLJ 66



Fakta ringkas kes berkenaan ialah empat rayuan didengari bersama berdasarkan alasan rayuan yang bertindih. Antaranya, Peguam Negara telah memulakan pendakwaan kepada semua tertuduh berdasarkan pertuduhan yang berbeza.

Pertuduhan di bawah seksyen 8 Akta Senjata Api 1960 [Akta 206]

- Tertuduh hendaklah dipenjara tidak melebihi 7 tahun jika disabitkan

Pertuduhan di bawah seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37]

- Tertuduh boleh dipenjara sehingga 14 tahun dan sebatan

Pertuduhan di bawah seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [Akta 82]

- Tertuduh (Rayuan Jenayah No. 40 & 46) hendaklah dihukum mati jika disabitkan

Mahkamah memutuskan bahawa ini ialah kuasa budi bicara Peguam Negara—

“...the Attorney General has power to discriminate between persons alleged to be in possession of firearms or ammunition and to charge them differently. As in England, the Attorney General in Malaysia is permitted to take into account the public interest when deciding what charge or charges to prefer against an accused;”.

KUASA MENJALANKAN PENDAKWAAN

Seperti yang diperuntukkan dalam PP dan Akta 593, Peguam Negara mempunyai kuasa mutlak dalam menjalankan kes pendakwaan. Perenggan 377(a) Akta 593 menjelaskan bahawa Pendakwa Raya (termasuk Timbalan Pendakwa Raya Kanan/Timbalan Pendakwa Raya/Penolong Pendakwa Raya) hendaklah menjalankan pendakwaan di hadapan mana-mana mahkamah. Pada masa yang sama, perenggan 377(b) Akta 593 juga memberikan kuasa kepada Pendakwa Raya untuk melantik mana-mana pihak seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 377(b) (1) hingga (6) Akta 593.

Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk mengganggu kuasa budi bicara Peguam Negara untuk memilih mana-mana undang-undang untuk memulakan dan menjalankan pendakwaan terhadap tertuduh.



Dalam kes *PENDAKWA RAYA V. DATO' SERI ANWAR IBRAHIM*³. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonan tertuduh untuk mengetepikan pertuduhan yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya terhadapnya atas alasan pendakwaan yang berniat jahat, menindas dan berkonspirasi politik. Dalam kes itu, tertuduh telah dituduh melakukan persetubuhan luar tabii dengan bekas pembantu peribadinya, iaitu suatu kesalahan di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan [Akta 574].

Timbalan Pendakwa Raya berhujah walaupun mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk mengelakkan berlakunya penyalahgunaan proses mahkamah, kuasa itu tidak terpakai dalam kes jenayah dan hanya bertujuan untuk mengelakkan kegagalan keadilan. Tambahnya lagi, seksyen 54 Akta Relief Spesifik 1950 [Akta 137] memperuntukkan secara jelas kuasa sedia ada tidak boleh digunakan bagi mengatasi undang-undang bertulis yang ada. Mahkamah akhirnya memutuskan bahawa hak untuk mendakwa dan menjalankan pendakwaan terletak kepada Peguam Negara. Keputusan mahkamah tersebut adalah berlandaskan prinsip PP yang terpakai berhubung kuasa Pendakwa Raya untuk memulakan dan menjalankan prosiding kes jenayah.

Kuasa kawalan pendakwaan Pendakwa Raya di bawah Fasal (3) Perkara 145 PP perlu sentiasa dipatuhi dan tidak boleh dikompromi oleh mana-mana agensi penguat kuasa kerana sebarang ketidakpatuhan akan mengakibatkan pendakwaan menjadi tidak sah dan terbatal.

Selain itu, penahanan tertuduh di bawah sesuatu akta tidak menghalang Peguam Negara untuk kemudiannya mendakwa tertuduh di bawah akta yang berbeza. Ini diputuskan sebagai kuasa budi bicara Peguam Negara dalam kes *PENDAKWA RAYA V. CHAN KAM LEONG*⁴ apabila tertuduh yang ditahan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283] kemudiannya dituduh di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

³ [1999] 2 MLJ 1

⁴ [1989] 1 MLJ 326



KUASA MEMBERHENTIKAN PENDAKWAAN

Sebagaimana kuasa memulakan dan menjalankan pendakwaan, keputusan untuk tidak mendakwa atau memberhentikan pendakwaan juga terletak di bawah budi bicara Peguam Negara. Kuasa budi bicara untuk memberhentikan sesuatu prosiding jenayah boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dalam tempoh perbicaraan, tetapi hendaklah dilakukan sebelum penghakiman disampaikan.

Dalam kes *POH CHO CHING V. PENDAKWA RAYA*⁵, dua orang tertuduh masing-masing telah dituduh bagi kesalahan memberi dan menerima rasuah. Walau bagaimanapun, pertuduhan terhadap pemberi rasuah ditarik balik oleh Pendakwa Raya dan di akhir perbicaraan, penerima rasuah telah disabitkan. Penerima rasuah tidak berpuas hati dengan keputusan itu kerana penarikan balik pertuduhan terhadap pemberi rasuah telah mencacatkan sabitan terhadap dirinya. Mahkamah Tinggi memetik seksyen 254 Akta 593 yang membentarkan pertuduhan terhadap mana-mana tertuduh ditarik balik oleh Pendakwa Raya (*nolle prosequi*). Dalam konteks ini, mahkamah memerhatikan kuasa budi bicara yang mutlak telah diberikan kepada Peguam Negara dan beliau hendaklah melaksanakannya dengan penuh keadilan tetapi persoalan sama ada beliau melaksanakannya atau tidak bukanlah kuasa mahkamah untuk menghakiminya.



Begitujuga dalam kes bekas Ketua Menteri Sabah yang dituduh bagi kesalahan di bawah Akta Polis 1967⁶. Tertuduh telah memohon melalui usul pemula di hadapan Mahkamah Tinggi untuk kebenaran agar satu perintah larangan dikeluarkan kepada majistret bagi menahannya daripada membicarakan kes terhadap tertuduh atas alasan ia merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

⁵ [1982] 1 MLJ 86

⁶ DATO YONG TECK LEE V PUBLIC PROSECUTOR [1996] 2 MLJ 544

Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa seksyen 173 Akta 593 jelas menyatakan bahawa majistret hendaklah mendengar keterangan yang boleh dikemukakan oleh pihak pendakwaan selepas seseorang tertuduh menuntut perbicaraan terhadap pertuduhan yang telah dibuat terhadapnya. Majistret tersebut tidak mempunyai kuasa untuk menggantung prosiding mahupun membebaskan tertuduh atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya tanpa mendengar keterangan kes. Berdasarkan dapatan ini, **kuasa Peguam Negara untuk memulakan dan memberhentikan prosiding tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak termasuk mahkamah.**

Merujuk kepada kes terkini yang berlaku pada tahun 2020, Peguam Negara telah menggugurkan 34 pertuduhan terhadap 12 individu yang dituduh terlibat dengan aktiviti keganasan kumpulan militan Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE). Dalam kes ini, Peguam Negara telah menggunakan budi bicaranya untuk memberhentikan kes pendakwaan terhadap kesemua 12 orang tertuduh.



KESIMPULAN

Kesimpulannya, adalah selamat untuk direkodkan bahawa **kuasa Peguam Negara dalam Perkara 145 PP dan Bab XXXVII Akta 593 adalah suatu kuasa yang mutlak dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak.**

Oleh itu, seseorang yang diamanahkan menjadi Peguam Negara sewajarnya menggunakan kuasa budi bicara yang diperuntukkan kepadanya dengan berhati-hati dan bertanggungjawab bagi menegakkan keadilan tanpa mengira kedudukan, pengaruh dan fahaman politik kerana undang-undang hendaklah sentiasa dipatuhi dan dihormati.

RUJUKAN LAIN

1. *Criminal Procedure and Practice in Malaysia* by Joshua Kevin, Leng Wie mun & tDamien.
2. *Constitution of Malaysia (Text and Commentary)* by Abdul Aziz Bari and Farid Sufian Shuaib
3. <http://pengajianammalaysia.blogspot.com/2010/08/bidang-kuasa-peguam-negara.html>
4. <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/legal-and-general-news/members-opinions/fungsi-peranan-peguam-negara>

AKTIVITI ILKAP

BANGUNAN PERDAMAIAN
TUTU LATIHAN KEHARIMAN DAN PERDAMAIAN
(ILKAP)




AKTIVITI ILKAP OGOS 2022

KURSUS TEAM BUILDING ILKAP SIRI 1 – KUALA TAHAN, PAHANG
4 – 6 Ogos 2022



AKTIVITI ILKAP





AKTIVITI ILKAP









MAJLIS PERPISAHAN PEREKA GRAFIK ILKAP
EN. SHAHRUL FIRDAUS BIN MOHD SHAHIRI

12 Ogos 2022



BENGKEL INTEGRITI PENJAWAT AWAM ILKAP

19 Ogos 2022




PROGRAM KIBARKAN JALUR GEMILANG 2022

23 Ogos 2022









PERTANDINGAN BOLA TAMPAR ILKAP 2022

23 Ogos 2022



















ARTICLE

DISCLAIMER: The information contained in this document is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this document for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing in this document constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance any person place on such information is therefore strictly at the person's own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this document.

JUDICIAL ACTIVISM IN PUBLIC LAW: THE MALAYSIAN EXPERIENCES AND THE WAY FORWARD



By

JAMILAH BINTI JAMIL
Career Development and Administration
Programme, Training Division, ILKAP

INTRODUCTION

What is “Judicial Activism”?

“Judicial Activism” refers to judicial rulings that are suspected of being based on personal or political considerations, rather than on existing laws. It is sometimes used as an antonym of judicial restraint¹. “Judicial restraint”² is a theory of judicial interpretation that encourages judges to limit the exercise of their own power. It asserts that judges should hesitate to strike down laws unless they are obviously unconstitutional, though what counts as obviously unconstitutional is itself a matter of some debate.

The question of judicial activism is closely related to constitutional interpretation, statutory construction, and separation of powers. Black’s Law Dictionary³ defines judicial activism as a “philosophy of judicial decision-making whereby judges allow their personal views about public policy, among other factors, to guide their decisions.”

¹ Christopher Wolfe, Judicial activism, Rowman & Littlefield, ISBN 0-8476-8531-4

² https://en.wikipedia.org/wiki/Judicial_restraint

³ As quoted in “Takings Clause Jurisprudence: Muddled, Perhaps; Judicial Activism, No” DF O’Scannlain, Geo. JL & Pub. Pol’y, 2002

The following are some situations that lead to judicial activism:

Violation of basic human rights⁵

Legislature fails to discharge its responsibilities

Government is very weak and instable (in the case of a hung parliament)

Government fails to protect the basic rights of the citizens or provide an honest, efficient and just system of law and administration

Party in power misuses the courts of law for ulterior motives as was done during the Emergency period

Court trying to expand its jurisdiction and confer on themselves more functions and powers

4




⁴ Ibid



What is “Public Law”?

Next question is – What is public law? “**Public law**” (*latin ius publicum*) is that part of law which governs relationships between individuals and the government, and those relationships between individuals which are of direct concern to society. Public law is comprised of different categories of law which are:



In public law, mandatory rules prevail. The government must obey the law. For example, a citizen unhappy with a decision of an administrative authority can ask a court for judicial review. Judicial review is one of the checks and balances in the separation of powers: the power of the judiciary to supervise the legislative and executive branches when the latter exceed their authority. Therefore, “Judicial Activism in Public Law” can be referred to as – Judges who act as an activist in determining the decision for the law that governs the relationship between the government and individual who has a direct concern to the society. The length that a judge acts as an activist may differ from one case to another according to the case finding or decision in public law.

JUDICIAL INTERPRETATION OF PUBLIC LAW

The former Malaysian Chief Justice Tun Zaki Azmi saying that, the majority of judges play a conservative role as interpreters of law rather than as legislators, while speaking on “Judicial Activism” at the second day of the 15th Malaysian Law Conference⁵. There is a very small number of judges who express their personal views in their judgements but these are usually frowned upon by their colleagues. Some of these judgments are corrected on appeals⁶. Judicial activism is desirable and important because it allows judges to re-evaluate and reinterpret old laws and precedents in the face of modern society. Judicial activism can be seen through the interpretation of Public Law made by the judges. It can be either in types of liberal or literal/conservative approach. Both liberal and literal/conservative judges may be activists in this sense, though literal/conservative judges have been more likely to invalidate federal laws and liberals more likely to strike down those of the states.

APPLICATIONS IN MALAYSIA AND THE WAY FORWARD

Prior to the year 1996, the Malaysian courts referred to the rigid and technical common law rules governing judicial review of administrative actions. In 1996, with the trail blazing judgment of the Court of Appeal in *TAN TEK SENG V SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN & ANOR*⁷ (“Tan Tek Seng”), the judicial trend shifted from referring to common law principles concerning the grounds of judicial review to the Federal Constitution⁸. Recent case law in Malaysia shows that the courts are bold, creative and dynamic enough in the matter of judicial review by construing the fundamental rights⁹ provisions in the Federal Constitution broadly and liberally. In particular, a fresh breath of life has been infused into **Articles 5 and 8 of the Federal Constitution** and both articles have now become important weapons in the artillery of the judiciary to control the abuse of administrative power¹⁰.

⁵ The Star, 31 July 2010, Saturday. “Jury is out on judicial activism”.

⁶ Judicial Activism or Judicial Interpretation? By Zaki Azmi ©The Commonwealth Lawyer (<http://www.commonwealthlawyers.com/>) (Used by permission) First published in The Commonwealth Lawyer, Vol 19, No 2, August 2010

⁷ [1996] 1 MLJ 261

⁸ Sridevi Thambapillay, Faculty of Law, University of Malaya, Recent Developments In Judicial Review Of Administrative Action In Malaysia: A Shift From Grounds Based On Common Law Principles To The Federal Constitution, Persidangan Undang-undang Tuanku Ja'afar 2007, page 275

⁹ Refer to Articles 5 – 13 of the Federal Constitution

¹⁰ *Supra*



DOCTRINE OF JUDICIAL REVIEW (NON-RIGHT BASE VS RIGHT BASE)

Usually, Malaysian judges will look at the Federal Constitution under Article 4(1); whether the law is inconsistent or not with the Federal Constitution, it being the supreme law of the land. Then, reference will be made to statutes that govern the Doctrine of Judicial Review in Malaysia, which are:

Order 53 of Rules of High Court 2012 (the inherent powers of the High Court)

Specific Relief Act 1950

Paragraph (1) of Section 25 of Courts Judicature Act


Then, Malaysian judges have to identify whether the issue or an application for judicial review involves non-right base or right-base remedies. If it is a non-right base infringement, the judges are to refer and apply the common law remedies, for example, certiorari or a mandamus. But, if it is a right-base infringement where human rights or fundamental rights have been affected, the judges are to refer and apply the constitution or human rights review. The next consideration a judge make is based on precedent. “Precedent” is any ruling established by a previous court that clarifies a question of rights in a constitutional case.

Judicial activism is important because judges can make an informed decision on how to apply an outdated law or precedent to a current society and culture.



GROUNDS FOR JUDICIAL REVIEW

For the purpose of identifying whether judicial activism in public law has moved forward or not in Malaysia, this article will highlight a number of cases that have been decided by Malaysian courts in relation the judicial review application. Those cases will be discussed based on five grounds of judicial review which are:



Irrationality (Wednesbury Unreasonableness Test)

The traditional stand of a strict adherence to the ASSOCIATED PROVINCIAL PICTURE HOUSES LTD V. WEDNESBURY CORPORATION¹¹ (hereby refers to as Wednesbury's case) standard of review of unreasonableness has dominated judicial attitudes in reviewing administrative action. Under the Wednesbury Test, the Court of Appeal held that it could not intervene to overturn the decision of the defendant corporation simply because the court disagreed with it. To have the right to intervene, the court would have to form the conclusion that:

¹¹ [1948] 2 All ER 681



The corporation, **in making that decision, took into account factors that ought not to have been taken into account;**

The corporation **failed to take account factors that ought to have been taken into account; OR**

The decision was **so unreasonable** that no reasonable authority would ever consider imposing it



The court held that the condition did not fall into any of these categories. Therefore, the claim failed and the decision of the Wednesbury Corporation was upheld. The test laid down in this case, in all three limbs, is known as the “Wednesbury test”. The term “Wednesbury unreasonableness” is used to describe the third limb, of being so unreasonable that no reasonable authority could have decided that way.

In Malaysia, Lord Greene MR’s Wednesbury principles were applied by the Federal Court in *PENGARAH TANAH DAN GALIAN, WILAYAH PERSEKUTUAN V SRI LEMPAH ENTERPRISE SDN BHD*¹² and a host of other decisions. Similarly, the Malaysian courts have accepted Lord Diplock’s permutation of Wednesbury unreasonableness to irrationality in *COUNCIL OF CIVIL SERVICES UNION*¹³. In fact, the reclassification of the grounds of judicial review into procedural impropriety, illegality and irrationality by Lord Diplock in that case has been unequivocally endorsed by the Malaysian Federal Court in the recent decisions of *R RAMA CHANDRAN V INDUSTRIAL COURT OF MALAYSIA*¹⁴ (“Rama Chandran”), *KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BHD V ZAID BIN HJ MOHD NOH*¹⁵ and *MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG V SYARIKAT BEKERJASAMA-SAMA SERBAGUNA SUNGAI GELUGOR DENGAN TANGGUNGAN*¹⁶.

¹² [1979] 1 MLJ 135

¹³ *Council of Civil Service Unions v Minister for the Civil Service* [1985] 1 AC 374; *Exp Smith* [1995] 4 All ER 427; [1996] 1 All ER 257; *Ex p Hammersmith and Fulham London Borough Council* [1990] 1 AC 521

¹⁴ [1997] 1 MLJ 145

¹⁵ [1997] 1 MLJ 789

¹⁶ [1999] 3 MLJ 1; see also the Court of Appeal’s decision in *Sugumar Balakrishnan v Pengarah Imigresen, Negeri Sabah & Anor* [1998] 3 MLJ 289

Procedural Impropriety (Natural Justice)

The new, broader and innovative doctrine of procedural fairness which pivots on Articles 5 and 8 of the Federal Constitution was applied by the Court of Appeal in the cases of *TAN TEK SENG V SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM*¹⁷, *HONG LEONG EQUIPMENT SDN BHD V LIEW FOOK CHUAN*¹⁸ and *SUGUMAR BALAKRISHNAN V PENGARAH IMIGRESEN, NEGERI SABAH & ANOR*¹⁹ (“Sugumar”) The application was done in those cases in order to circumvent the limited frontiers of natural justice. In *Rama Chandran*’s case, the Federal Court, without any qualms of forsaking entrenched common law principles, proceeded to confer wider and extensive powers on the High Court in judicial review proceedings by invoking subsection 25(2) of the Courts of Judicature Act 1964 [Act 91]. Yet again in Sugumar’s case, the Court of Appeal relied on Article 8 of the Federal Constitution to inject the doctrine of substantive fairness into the already fast-developing Malaysian administrative law jurisprudence.

Illegality (*Mala Fide*)

One example of illegality caused by the application of this is the burden of proving *mala fides* or bad faith. There were a few attempts made by judges to give *mala fides* a wider meaning, as stated by Peh Swee Chin J in *KARPAL SINGH V. MINISTER OF HOME AFFAIRS*²⁰:

“*Mala fides* does not mean at all a malicious intention. It normally means that a power is exercised for a collateral or ulterior purpose, for example for a purpose other than for which it is professed to have been exercised.”.



¹⁷[1996] 2 AMR 1617.

¹⁸[1996] 1 MLJ 481.

¹⁹ [1998] 3 MLJ 289

²⁰[1988] 1 MLJ 468.



Substantive Fairness²¹

The Federal Court decision in *Rama Chandran's*²² case allows the courts to review both the procedural and substantive aspects of a decision. However, in *Sugumar's* case²³, the Court of Appeal clearly stated that 'fairness' under Article 8(1) of the Federal Constitution included 'procedural fairness' and 'substantive fairness'. It is submitted that the position of the Court of Appeal to include Substantive Fairness into the doctrine of fairness and to adopt Substantive Fairness as a new basis of judicial review is to be commendable. By introducing Substantive Fairness as a separate basis of judicial review, the Court of Appeal has armed the judiciary with a very useful and effective weapon to stop unlawful or illegal administrative action. However, Federal Court in *Sugumar's* case²⁴ reversed the decision of the Court of Appeal and struck down the doctrine of 'substantive fairness'. The Federal Court referred to the judgment of Edgar Joseph Jr in *Rama Chandran's* case.

Proportionality

Proportionality is one of the most important grounds for judicial review as has been for many years and it has evolved from the concept of unreasonableness. The concept of proportionality has been developed more as a general principle of law by the judges over the years. In proportionality, the administrative body must adopt effective means of policy implementation to achieve its objectives. In Malaysia, this doctrine was applied for the first time in the landmark case of *Tan Tek Seng*²⁵.

CONCLUSION

In the Malaysian context, fear for judicial activism is unwarranted. Here, Parliament is not supreme and neither are the judges. It is the Federal Constitution which is supreme and the onerous duty of upholding its supremacy falls to the courts. It is agreeable that the statute should not be interpreted freely to ensure the protection of the statute itself.

²¹ Thambapillay, (n 7)

²² [1997] 1 MLJ 145

²³ [1998] 3 MLJ 289

²⁴ Ibid

²⁵ [1996] 1 MLJ 261

The courts will usually allow judicial review where an applicant raises an arguable case against a public body that has supposedly acted improperly or unfairly. For example, in the latest case of *SEMENYIH JAYA SDN BHD V PENTADBIR TANAH DAERAH HULU LANGAT & ANO*²⁶, the Federal Court has courageously turned the tides and held that the amendment could not be read in such light. The function of judges is no longer considered as merely a “rubber stamp” in giving the award or order. That decision reinstates the inherent judicial power of the courts and restores the independence of the judiciary, allowing it to play its role as the third organ of this country and keeping in check any excesses of the executive or legislative body. This is a celebrated decision. This is an example of judicial activism which judges use as tools in deciding their cases.

MISCELLANEOUS REFERENCES

1. Malaysian Internal Security Act 1960
2. <http://www.preservearticles.com/2011092714143/short-essay-on-judicial-activism-in-india.html>
3. Y.A Bhg Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi is the former Chief Justice of Malaysia. This article is based on his address to the 15th Malaysian Law Conference, delivered on 30 July 2010, at Kuala Lumpur
4. <http://www.themalaymailonline.com/what-you-think/article/rebirth-of-judicial-power-key-points-from-semenyih-jaya-case>
5. *Harpers Trading (M) Sdn Bhd v National Union of Commercial Workers* [1991] 1 MLJ 417

²⁶ [2017] 5 CLJ 526





AKTIVITI ILKAP

BANGUNAN PERDAMAIAN
TUTU LATIHAN KEHARIMAN DAN PERDAMAIAN
(ILKAP)



AKTIVITI ILKAP SEPTEMBER 2022

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) SIRI 4/2022
& MAKAN MALAM PTM SIRI 4/2022
19 – 27 September 2022



AKTIVITI ILKAP













KURSUS TEAM BUILDING ILKAP SIRI 2 – BELUM, PERAK

22 – 24 September 2022


















PERTANDINGAN INOVASI ILKAP 2022

27 September 2022









PROGRAM JOM JADI PEGUAM! 2022

31 September 2022





AKTIVITI ILKAP







ARTIKEL

DISCLAIMER: The information contained in this document is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this document for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing in this document constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance any person place on such information is therefore strictly at the person's own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this document.

RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN (RTBK)



Oleh

NOR NAZIRAWATI @ NUR IZZATI BINTI ANANG
Seksyen Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan, ILKAP

PENGENALAN

Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ('ICT') merupakan faktor pendorong ke arah matlamat wawasan 2020. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan telah melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk pencapaian jangka masa panjang (1996-2020) demi merangsang pertumbuhan ICT di Malaysia.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dipertanggungjawabkan untuk mengembangkan usaha-usaha pembaharuan pentadbiran Kerajaan Malaysia. MAMPU diamanahkan dengan tugas merancang dan memperkuuh sistem penyampaian awam yang merupakan agenda utama kerajaan.

Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan ('RTBK') bermula dengan pengenalan EG*Net pada tahun 1995. Pada masa ini, pelaksanaan EG*Net telah dilakukan secara penswastaan menerusi keputusan Jemaah Menteri pada 11 Oktober 1995. Perkhidmatan EG*Net semakin berkembang dan melalui beberapa fasa peluasan. Pada tahun 1999, EG*Net mula menyediakan perkhidmatan yang menyokong aplikasi perdana Kerajaan Elektronik. Antara lima (5) projek perintis tersebut ialah—

Perkhidmatan Elektronik
(eServices)

Perolehan Elektronik (eP)

Persekutuan Pejabat Generik
(GOE)Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia
(HRMIS)

Sistem Pemantauan Projek (PMS)

Pendekatan EG*Net pada masa ini adalah memberikan tumpuan kepada proses dalaman agensi kerajaan dengan tujuan untuk melicinkan dan meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan agensi dalam menyediakan perkhidmatan masing-masing.

Seiring dengan perkembangan EG*Net, kerajaan telah mewujudkan jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (“JITIK”) melalui Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999 bagi memantapkan program kerajaan elektronik dan memastikan program dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Antara fungsi JITIK adalah bertanggungjawab menentukan arah tuju, dasar dan strategi pembangunan ICT serta memantau program dan menyelaras pembangunan teknologi maklumat dalam sektor awam termasuk pada peringkat kerajaan negeri. JITIK juga bertanggungjawab memastikan dan membuat penilaian supaya mutu perkhidmatan awam sentiasa meningkat seiring dengan pelaksanaan kerajaan.

PERKEMBANGAN ICT DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN MALAYSIA

Kemudian, kerajaan meneruskan inisiatif memperkuuh infrastruktur ICT dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan mewujudkan perkhidmatan guna sama untuk sektor awam, iaitu menyediakan perkhidmatan ICT secara bersepadu dan guna sama (*shared and consolidated services*) yang ditadbir urus secara berpusat (*centralized*). Langkah ini adalah bertujuan untuk mengoptimumkan sumber kewangan dan manusia.

Pendekatan ini telah terbukti dapat meningkatkan kecekapan pengurusan perkhidmatan, keselamatan siber dan penyeragaman tahap perkhidmatan. Berdasarkan faktor-faktor ini, kerajaan terus mengorak langkah dan memperluas perkhidmatan rangkaian ICT bersepadu sektor awam secara lebih menyeluruh dan perluasan berkenaan meliputi perkhidmatan internet, intranet dan Aplikasi Internet Kerajaan (EG*Net) yang dikenali sebagai 1Gov*Net.

Pada 29 Februari 2012, transformasi RTBK melangkah ke fasa seterusnya apabila Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan penswastaan 1Gov*Net melalui kaedah Build-Operate-Own (BOO) secara rundingan terus dengan syarikat GITN Sdn. Berhad ('GSB'). Selaras dengan itu, 1Gov*Net melalui penjenamaan semula pada Mei 2018 dan kini dikenali sebagai MyGov*Net.



Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam ('PSPSA') 2021-2025¹ mengambil kira visi dan misi MyGov*Net sebagai kerangka utama pembangunan PSPSA 2021-2025.



¹ https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2021/09/Final_Slaid-Dokumen-PSPSA-2021-2025-RE.pdf


PSPSA 2021-2025 telah menggariskan tujuh (7) teras strategik dan objektif sebagai tonggak kepada kelangsungan pelaksanaan Kerajaan Digital.

1	Pemanfaatan Kepintaran Data	
2	Peneraju Perkhidmatan Digital Inklusif dan Bersepadu	
3	Tadbir Urus Tuntas dan Tangkas	
4	Pemerkasaan dan Penyegaran (<i>Reinvigorate</i>) Modal Insan	
5	Pengoptimuman Nilai Perkhidmatan Guna Sama yang Selamat	
6	Penjenamaan, Peluasan Promosi dan Pembudayaan	
7	Adaptasi Kemunculan Teknologi Baharu yang Relevan	

PSPSA 2021-2025 memberikan fokus kepada kelangsungan Kerajaan Digital mampan melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang inklusif dan bersepadu kepada semua golongan masyarakat daripada pelbagai kumpulan sasar di pelbagai geolokasi berasaskan konsep tiada yang terpinggir (*leaving no one behind*) meliputi golongan rentan.

Selaras dengan hasrat kerajaan dalam mencapai Teras Strategik 5: Pengoptimuman Nilai Perkhidmatan Guna Sama yang Selamat, kerajaan telah meletakkan sasaran untuk memantapkan perkhidmatan guna sama ICT dengan nilai tambah penggunaan teknologi terkini yang relevan dan memastikan penawaran perkhidmatan guna sama ICT yang selamat dan mampan.

Program peningkatan dan peluasan perkhidmatan MyGov*Net yang ditetapkan untuk pencapaian Strategi 2: Pemantapan Keupayaan Rangkaian dan Komunikasi Digital merangkumi²:



PERKHIDMATAN MYGOV*NET³

MyGov*Net merupakan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (*Government Integrated Telecommunications Network*) yang diuruskan secara berpusat oleh MAMPU.

Infrastruktur rangkaian yang disediakan bagi menyokong sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Digital ini adalah selamat dan tersedia untuk aplikasi dalaman kerajaan (intranet) atau capaian luar (internet). Sasaran penerimaan perkhidmatan MyGov*Net khusus disediakan untuk pengguna kerajaan di kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan di bawah saraan. Perkhidmatan MyGov*Net dibekalkan kepada agensi Kerajaan yang terdiri daripada:

- Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan di bawah saraan kementerian;
- Agensi Kerajaan Persekutuan yang beroperasi di premis swasta; dan
- Agensi Kerajaan di bawah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan aplikasi Kerajaan Persekutuan yang tidak boleh dicapai menerusi internet.

² <https://www.mygovnet.gov.my/?v=intro>

³ <https://www.mampu.gov.my/agensi-kerajaan/perkhidmatan-mygovnet/>

Sepanjang fasa transformasi Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan, MAMPU telah menjalankan pelbagai usaha dan inisiatif bagi mempromosikan dan meluaskan perkhidmatan MyGov*Net kepada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Sehingga 30 April 2020, perkhidmatan MyGov*Net telah diguna pakai oleh 27 kementerian yang melibatkan 16 integrasi talian dan 201 agensi.

Skop perkhidmatan MyGov*Net dibahagikan kepada tiga (3) iaitu MyGov*Net.WAN, MyGov*Net.Global dan MyGov*Net.PCN.



MyGov*Net.WAN

MyGov*Net.WAN menyediakan rangkaian kawasan luas yang dibahagikan kepada dua iaitu perkhidmatan utama dan perkhidmatan pilihan.

MyGov*Net.Global

MyGov*Net.Global menyediakan perkhidmatan rangkaian persendirian kerajaan yang khusus dan selamat untuk agensi kerajaan di luar negara. Skop perkhidmatan yang ditawarkan adalah rangkaian berwayar, rangkaian tanpa wayar dan perkhidmatan keselamatan.



MyGov*Net.PCN

Putrajaya Campus Network (PCN) merupakan perkhidmatan rangkaian kampus persendirian kerajaan yang khusus dan selamat bagi agensi kerajaan di Putrajaya dan Cyberjaya. Skop perkhidmatan yang ditawarkan adalah rangkaian berwayar, rangkaian tanpa wayar dan perkhidmatan keselamatan



KESIMPULAN

Penggunaan sumber MyGov*Net dapat menggalakkan perkongsian maklumat dan kolaborasi antara agensi. Perkhidmatan MyGov*Net juga dilengkapi dengan jaminan *Service Level Agreement* (SLA) yang seragam kepada semua pengguna. Perkhidmatan MyGov*Net yang menawarkan infrastruktur rangkaian yang selamat dan berkelajuan tinggi dibangunkan supaya dapat menyokong dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.




AKTIVITI ILKAP

BANGUNAN PERDAMAIAN
TUTU LATIHAN KEHARIMAN DAN PERDAMAIAN
(ILKAP)




AKTIVITI ILKAP OKTOBER 2022

KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN ILKAP 2022
3 – 5 Oktober 2022







MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1444H/2022M ILKAP

7 Oktober 2022






ILKAP SPEAKER SERIES 2022

17 Oktober 2022


















KURSUS PEMANTAPAN BAHASA MELAYU DALAM BIDANG
PERUNDANGAN (KURSUSILA SIRI 3/2022)

19 – 21 Oktober 2022










AKTIVITI ILKAP





MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH ILKAP BIL. 3 TAHUN 2022

21 Oktober 2022











ARTIKEL

DISCLAIMER: The information contained in this document is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this document for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing in this document constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance any person place on such information is therefore strictly at the person's own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this document.

PENGENALAN SISTEM KOHA UNTUK PENGGUNA PUSAT SUMBER ILKAP



Oleh
KASMILAH BINTI JAHABA
Bahagian Maklumat, ILKAP

Diolah oleh
AINNAN BINTI MOHD RASID
Unit Penyelidikan dan Inovasi, ILKAP

PENGENALAN

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Jabatan Perdana Menteri (JPM) melaksanakan perolehan Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA (sumber terbuka) bagi menggantikan sistem automasi (ILMU) yang diguna pakai secara perkongsian satelit dengan Perpustakaan JPM sejak dari tahun 2016 dan menstruktur semula kandungan digital Pusat Sumber ILKAP.

Sejarah awal penggunaan sistem di Pusat Sumber ILKAP bermula dengan Sistem GEAC Advance pada tahun 2002 yang kemudiannya bertukar kepada Sistem ILMU pada tahun 2016 dan sistem ini digunakan secara perkongsian dengan Perpustakaan JPM. Pada tahun 2022, ILKAP telah menambah baik perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP menerusi Sistem KOHA yang merupakan nadi utama sistem perpustakaan. Sistem KOHA bertindak memastikan perkhidmatan yang disediakan cekap dan berkesan serta seiring dengan keperluan maklumat yang diperlukan untuk menyokong proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan di ILKAP.

KELEBIHAN SISTEM KOHA

Sistem KOHA menggunakan Sistem Keselamatan Bahan Perpustakaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya. Sistem ini membolehkan para pengguna mengakses deskripsi maklumat, meminta bahan pinjaman dan membaharui bahan pinjaman melalui Internet. Selain itu, Sistem KOHA memastikan keselamatan bahan perpustakaan dikawal dengan lebih baik. Pengguna juga boleh menggunakan Sistem KOHA dengan mudah dan berkesan serta menggunakan perkhidmatan semakan diri yang disediakan di Pusat Sumber ILKAP.

Perkhidmatan semakan diri adalah perkhidmatan untuk pengguna Pusat Sumber ILKAP menyemak maklumat diri dan urusan pinjaman serta pemulangan bahan secara dalam talian. Selain itu, pengguna juga boleh membuat tempahan bahan secara dalam talian menggunakan Sistem KOHA.

SISTEM PERPUSTAKAAN BERSEPADU KOHA

Perkataan “KOHA” berasal daripada istilah Maori New Zealand yang bermaksud hadiah, derma atau sumbangan. KOHA adalah sistem perpustakaan bersepadu yang digunakan secara meluas oleh perpustakaan akademik, awam, khusus dan sekolah. Modul-modul yang terdapat dalam sistem berkenaan diintegrasikan antara satu sama lain bagi mewujudkan aliran tugas yang dapat dilaksanakan dengan lancar. KOHA mula dibangunkan pada tahun 1999 di New Zealand oleh Syarikat Katipo Communication Ltd¹ bagi keperluan perpustakaan Horowhenua dan berjaya digunakan pada tahun 2000.²

Sistem KOHA mempunyai ciri-ciri yang menyokong piawaian pengkatalogan dan pencarian MARC dan Z39.50. Pada tahun 2014, sistem KOHA telah digunakan oleh 1,136 perpustakaan awam dengan lebih daripada 15 juta item dan 1.8 juta pengguna aktif di Turki sahaja. Sokongan kepada sistem ini juga meluas dan mencakupi pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Perancis, Cina, Arab dan beberapa bahasa lain. KOHA juga mempunyai keupayaan sama seperti mana-mana sistem perpustakaan lain seperti rekod bibliografik antarabangsa dan katalog standard seperti MARC21, UNIMARC, Copy Cataloguing dan Z39.50.

¹ <http://katipo.co.nz/>

² <https://library.utm.my/ba/koha/>



Selain mudah digunakan dalam penataan kepada polisi sirkulasi, pengurusan data patron yang baik, navigasi web dan kebenaran akses untuk akaun staf yang lebih meluas, Sistem KOHA juga berintegrasi dengan modul katalog, OPAC, sirkulasi, patron, perolehan dan sebagainya³. Selain itu, terdapat pelbagai ciri-ciri yang memberikan tambahan nilai kepada Sistem KOHA, antaranya adalah—⁴

Tidak melibatkan kos pelesenan

Boleh digunakan terus daripada mana-mana browser tanpa instalasi aplikasi

Boleh diubah suai mengikut keperluan institusi

Boleh menyokong data beberapa rangkaian perpustakaan

Memudahkan pengguna untuk mengakses katalog dan butiran penggunaan

FUNGSI SISTEM KOHA DI ILKAP

Pusat Sumber ILKAP berkongsi sistem dengan Perpustakaan JPM dan memandangkan Perpustakaan JPM telah bertukar sistem, Pusat Sumber ILKAP perlu melihat kepada alternatif lain dalam memastikan perkhidmatan kepada pengguna tidak terjejas. Justeru, Pusat Sumber ILKAP mengambil inisiatif mengkaji beberapa sistem pengurusan perpustakaan lain terutamanya Open Source System (OSS) sebagai peralihan daripada penggunaan sistem proprietary software kepada open source software. Langkah ini adalah untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP yang cekap dan berkesan serta dapat dikekalkan dengan penjimatan dalam peruntukan penyelenggaraan sistem untuk tempoh jangka panjang. Proprietary software boleh dilihat sebagai jenis perisian yang lebih terhad penggunaannya berbanding open source software dan antara perbezaannya adalah—

³ Ibid

⁴ <https://www.keep.pt/en/products/koha-integrated-library-system/#advantages>


Perisian Hak Milik (Proprietary Software)

- Mempunyai hak milik sama ada dippunyai oleh organisasi, kumpulan atau individu yang menciptanya
- Pihak yang memiliki hak ke atas perisian berkenaan lazimnya tidak mengeluarkan kod sumber (source code) untuk kegunaan pihak luar
- Lazimnya hanya boleh digunakan oleh mereka yang telah membeli lesen khas perisian berkenaan

Perisian Sumber Terbuka (Open Source Software)

- Percuma dan tersedia secara terbuka kepada semua orang
- Pencipta perisian akan menerbitkan kod tersebut dan membenarkan orang lain menggunakan dan mengubahsuainya
- Komuniti wujud dan membangunkan perisian dan menyokong pengguna
 - Lazimnya diuji secara terbuka oleh pengguna dan penyumbang dalam talian

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, Pusat Sumber ILKAP mengambil langkah untuk memilih pemasangan Sistem KOHA yang digunakan untuk memproses perolehan bahan perpustakaan, mengkatalog dan mengelas bahan bacaan, membuat carian koleksi perpustakaan, menguruskan peminjaman dan pemulangan bahan bacaan, memproses tempahan dan pembaharuan bahan bacaan serta perkhidmatan lain yang berkaitan untuk kemudahan pengguna Pusat Sumber ILKAP. Modul utama yang digunakan adalah:



KESIMPULAN

Pelaksanaan perubahan perkhidmatan yang terancang dan sistematik boleh mengurangkan kesan gangguan kepada pengguna. Di samping itu, KOHA ialah Sistem Integrasi Perpustakaan terbuka yang digunakan di serata dunia. Ia dibangunkan oleh komuniti perpustakaan dan kini semakin diterima dan digunakan oleh masyarakat, sekolah dan perpustakaan khas.

Sistem KOHA berupaya memberikan kemudahan dan perkhidmatan yang relevan serta pantas kepada pengguna. Keupayaan untuk menerima maklum balas dan sumbangan maklumat amat berguna untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP.



AKTIVITI ILKAP

BANGUNAN PERDAMAIAN
TUTU LATIHAN KEHARIMAN DAN PERDAMAIAN
(ILKAP)



AKTIVITI ILKAP NOVEMBER 2022


PELAKSANAAN INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH HULU LANGAT DI ILKAP

4 November 2022



MESYUARAT PANEL PENGURUSAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA BERSAMA DENGAN PEGUAM CARA NEGARA

11 November 2022





PROGRAM ILKAP SELAMAT

30 November 2022





AKTIVITI ILKAP



SIDANG REDAKSI

NAMA	UNIT/SEKSYEN PROGRAM/ BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi (Unit P&I)	Ketua Sidang Redaksi Penyediaan Sesi Temu Bual Penyediaan Draf dan Infografik Pemilihan Gambar Aktiviti ILKAP Penyelaras dan Penyunting Akhir
Norkarimah binti Mat Tahir	Ketua Unit Unit P&I	Penyunting
Siti Noor Mazrah binti Ahmad Din	Ketua Penolong Pengarah Program Kehakiman	Penulis Artikel Program Kehakiman
Yusliza binti Awal	Ketua Penolong Pengarah Program Litigasi	Penulis Artikel Program Litigasi
Jamilah binti Jamil	Ketua Penolong Pengarah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	Penulis Artikel Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran
Nor Nazirawati @ Nur Izzati binti Anang	Pegawai Teknologi Maklumat	Penulis Artikel Bahagian Pengurusan
Kasmilah binti Jahaba	Penolong Pustakawan	Penulis Artikel Bahagian Maklumat
Siti Manoriah binti Saleh	Pengarah Bahagian Maklumat	Pemantau Urusan Grafik
Normansyurah binti Md Nor	Pereka Grafik Unit Koleksi Bercetak Bahagian Maklumat	Urusan Grafik Keseluruhan



Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP),
Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 8924 3400 | Faks: +603 8926 1231
E-mel: webmaster@ilkap.gov.my

INSIGHT
ILKAP E-NEWSLETTER